

01/09/2001

Artis, penyair bersatu hati

Hardi Effendi Yaacob

MALAM Deklamasi Angkasapuri 2001 yang akan disiarkan secara langsung menerusi Saluran Perdana, TV1, esok, boleh menjadi platform bagi memartabatkan puisi tempatan ke peringkat nasional.

Acara berkenaan juga cuba menghantar mesej positif kepada masyarakat menerusi bait-bait puisi karya penyair dan sasterawan tanah air.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata puisi mampu menjadi satu lagi wadah hiburan berestetika.

"Ia juga mempunyai mutu bahasa yang tinggi dan boleh mengajak masyarakat menyelami buah fikiran serta keprihatinan golongan seniman terhadap pelbagai isu semasa," katanya.

Terdahulu, beliau meluangkan masa meninjau sesi raptai program itu di Auditorium Perdana, Angkasapuri, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Alimusa Sulaiman; Pengarah Urusan Rancangan TV Radio Televisyen Malaysia (RTM), Barbara Edmonds serta Pengarah Penerbitan TV RTM, Normah Rokiah Ramli.

Beliau berkata, Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 adalah detik yang memperlihatkan bacaan puisi dari kalangan penyair terkenal.

"Ada di antara koleksi puisi terbabit akan dipersembahkan dalam bentuk persembahan nyanyian oleh artis popular," katanya.

Apa yang menarik, segmen berkenaan akan turut menggunakan sepenuhnya khidmat sekumpulan pemuzik terlatih dan berpengalaman Orkestra Bertali RTM pimpinan Jaafar Abdul Rahman Idris atau Jari.

"Malah, inilah julung kalinya Orkestra Bertali RTM mengadakan persembahan mereka," kata Zainuddin.

Jelasnya, penganjuran acara yang julung kali diadakan itu dirancang dengan begitu rapi. Ia anjuran bersama RTM dan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB).

"Bagi saya, penganjuran acara ini memang dirancang dengan teliti. Malah, kami turut menubuhkan panel khas bagi merancang bentuk persembahan terbaik," katanya.

Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 terbitan Normah Aziz dan terbahagi kepada beberapa segmen seperti Segmen Cinta, Segmen Ketuhanan dan Segmen Patriotik.

Antara puisi yang menjadi pilihan ialah Sese kali, Katakan Padaku, Pesan Ibu Beribu-Ribu, Sesetia Malam Pada Siang, Aku Anak Kroni, Berkolek Sajak, Sekepal Tanah dan Dabus Rohani.

Turut diperdengarkan ialah Altar Akhir, Ufuk Nurani, Warga Malaysia, Tanah Air, Gebung Gedebang, Orang Kita, Bicara Dengan Teman Lama, Permata Untuk Isteri dan Melayu Mudah Lupa.

Penyair yang mengambil bahagian termasuklah Tan Sri A Samad Ismail, Latif Mohidin, Lim Swee Tin, Profesor Rahman Shaari, Siti Zaleha Hashim, JM Aziz, Khalid Salleh, Datuk A Samad Said dan Datuk Usman Awang.

Tidak ketinggalan menyerikan acara itu ialah Safura, Sutung Umar RS, Intan Marhayu, Rozita Izlyn, Ijam, Koprata, Siti Zainon Ismail, Tengku Khaleeda Tengku Bidin dan Ramli Sarip.

Tetamu istimewa, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka hadir malah puisi tulisan beliau, Melayu Mudah Lupa, akan turut diperdengarkan.

Deklamasi Angkasapuri 2001 yang menampilkan Ahmad Tarmimi Siregar dan Ras Adiba Radzi sebagai pengacara akan dipancarkan dari Auditorium Perdana, Angkasapuri, mulai jam 8.45 malam.

(END)

